

# **KESEDARAN SOSIAL TERHADAP GOLONGAN MAHASISWA KURANG UPAYA DI KOLEJ UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA SELANGOR<sup>1</sup>**

Norsaadah binti Din @ Mohamad Nasirudin<sup>2</sup>

Hasliza binti Talib<sup>3</sup>

Siti Zaleha binti Ibrahim<sup>4</sup>

Aqilah bt Samsulbahari

*Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor*

## **ABSTRAK**

*Kajian ini adalah untuk mengetahui tahap kesedaran warga KUIS terhadap pelajar kurang upaya (OKU) dan layanan yang diterima oleh pelajar OKU di KUIS sama ada di dalam mahupun di luar kelas. Kajian ini merupakan sebuah kajian kuantitatif . Data diperolehi melalui temubual 8 orang pelajar OKU dan temubual kepada 15 orang pelajar KUIS. Responden bagi kajian ini dipilih menggunakan kaedah persampelan rawak yang terdiri dari lima fakulti iaitu fakulti Pengajian dan Peradaban Islam, Fakulti Pengurusan & Muamalah, Fakulti Sains dan Teknologi Maklumat, Fakulti Pendidikan dan Fakulti Syariah dan Undang-undang. Selain itu soal-selidik juga dijalankan kepada 19 orang kakitangan pentadbiran di Bahagian Pembangunan Mahasiswa, Bahagian Pengurusan Akademik, Bahagian Bendahari dan Bahagian Teknologi Maklumat dan juga di kalangan pensyarah. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa tahap pengetahuan responden tentang OKU berada pada tahap tinggi. Dapatkan turut memperlihatkan bahawa pandangan dan sikap responden terhadap OKU adalah positif. Menerusi dapatkan kajian ini, dapat disimpulkan bahawa, tahap pengetahuan yang tinggi mengenai OKU boleh membentuk persepsi dan sikap yang positif dalam kalangan warga KUIS terhadap pelajar OKU. Implikasi kajian serta cadangan untuk kajian lanjutan juga dikemukakan untuk tindakan selanjutnya oleh pihak-pihak yang bertanggungjawab. Diharapkan kajian ini dapat memberi input dan manfaat agar kesedaran tentang OKU dapat dipertingkatkan seperti dari aspek infrastruktur dan kemudahan lain dan seterusnya dapat menjamin penerimaan golongan tersebut dalam kalangan masyarakat kampus.*

**Kata Kunci :** Kesedaran Sosial, Mahasiswa Kurang Upaya, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

---

<sup>1</sup> Kertas kerja ini untuk dibentangkan dalam Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan (PASAK) pada 26-27 April 2017 bertempat Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.

<sup>2</sup> Jabatan Kefahaman dan Pemikiran Islam, Pusat Pengajian Teras, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor. norsaadah@kuis.edu.my

<sup>3</sup> Jabatan Kefahaman dan Pemikiran Islam, Pusat Pengajian Teras, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor. hasliza@kuis.edu.my

<sup>4</sup> Jabatan Kefahaman dan Pemikiran Islam, Pusat Pengajian Teras, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor. sitizaleha@kuis.edu.my

## **PENDAHULUAN**

Institut Pengajian Tinggi merupakan medan untuk meningkatkan ilmu pengetahuan tanpa mengenal jantina, paras rupa dan keupayaan seseorang. Atas kesedaran ini, Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) telah memperakarkan akan kepentingan akses kepada pendidikan dalam membantu orang-orang kurang upaya untuk mencapai hak kesamarataan dan kebebasan asasi. Kepentingan akses kepada pendidikan bagi OKU juga telah diperakui oleh kerajaan Malaysia. Akta OKU telah dilancarkan pada 2008 menyatakan bahawa OKU tidak dikecualikan dari mendapat pendidikan yang sempurna seperti orang yang normal penciptaannya (Hasnah Toran, Tajul Arifin Muhamad, Mohd Hanafi Mohd Yasin, Mohd Mokhtar Tahar, Nurhazwani Hamzah, 2010). OKU hari ini sudah mampu berdikari dengan peluang yang ada untuk menuntut ilmu pengetahuan dan kemahiran.

## **KONSEP OKU**

OKU adalah singkatan bagi Orang Kurang Upaya iaitu kurang lengkap atau kurang sempurna dari fizikal mahupun mental. Istilah OKU ini boleh disifatkan sebagai “ kurang mampu atau lemah untuk melakukan pekerjaan atau aktiviti hidup harian yang biasa dilakukan oleh orang yang normal. (Blaxter, 1976)

## **LATAR BELAKANG KUIS**

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) merupakan sebuah Institusi Pengajian Tinggi Islam milik penuh Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) yang ditubuhkan di bawah akta IPTS 1996. Penubuhannya secara rasmi pada 15 Februari 1995 membuktikan komitmen kerajaan negeri Selangor dalam membangunkan agenda pendidikan dan kecemerlangan ilmu. Sebagai sebuah legasi pendidikan DYMM Sultan Selangor yang sentiasa dipelihara dan disantuni menjadi pemangkin tradisi ilmu dan penyatuan umat Islam di negeri Selangor, KUIS berusaha melahirkan Da'i, Ulama dan Umara.

Berpaksikan motto “Pemangkin Tradisi Ilmu”, serta keindahan kampus yang bercirikan senibina sejarah kegembilangan Islam Andalusia, KUIS telah bergerak bersandarkan visi dan misi mendepani segala cabaran serta perubahan secara agresif dan proaktif bagi mencapai sebuah institusi pendidikan yang menyediakan program pengajian akademik yang berteraskan tauhid dan sesuai dengan keperluan zaman kini serta keperluan fizikal yang seiring dengan ‘niche’ Islam yang menepati halatuju pendidikan Islam dan Dasar Pendidikan Negara yang berkualiti dalam menuju sebuah Universiti Islam dalam tempoh yang terdekat. Usaha ini didokong oleh saf para pensyarah serta warga kerja yang memiliki sifat sebagai *mudarris, mu'allim, muaddib, murabbi, dan mursyid*.

KUIS menawarkan program pengajian di peringkat Asasi, Diploma, Ijazah Sarjana Muda, Sarjana dan Doktor Falsafah yang telah memenuhi perakuan Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) merentasi pelbagai disiplin ilmu termasuk pengajian Islam, pengajian perniagaan, perbankan Islam, pendidikan, komunikasi, dan teknologi maklumat yang berdaya saing dan kompetitif.

KUIS tetap mengekalkan objektif awal penubuhannya untuk melahirkan lebih ramai tenaga profesional Islam yang mampu memimpin masyarakat serta membangunkan dan mengembangkan ilmu pengetahuan Islam. Selain itu, KUIS juga berperanan menyediakan alternatif untuk melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi.

KUIS melebarkan jaringan dan rangkaian MoU dan MoA dalam pembangunan akademik, penyelidikan dan inovasi sebagai sebuah institusi pendidikan tinggi Islam yang sentiasa relevan di peringkat nasional dan antarabangsa.

KUIS tekal memartabatkan Institusi Masjid al Azhar KUIS sebagai nadi kepada ketinggian rohani, kecemerlangan ilmu, paksi pembangunan insan dan lambang kesatuan ummah melalui solat berjemaah yang membentuk ikatan persaudaraan dan kasih sayang.

Dengan kemudahan fasiliti yang kondusif, KUIS juga mengutamakan program pembangunan sahsiah yang holistik, prinsip persekitaran (*bi'ah*) yang solehah, pembangunan iklim Dini, ikutan yang baik (*qudwah hasanah*), kecemerlangan akademik dan program khidmat ummah, ke arah melahirkan warga KUIS yang memiliki akhlak yang terpuji dan sentiasa berbakti kepada agama, bangsa dan pembentukan negara *Baldatun Tayyibatul Wa Rabbul Ghaffor*.

Sejajar dengan itu, KUIS dengan penuh rasa tanggungjawab menyediakan pendidikan Islam kepada masyarakat sebagai tuntutan fardhu kifayah dan meletakan ketinggian ilmu sebagai asas pembangunan insan dan kemajuan negara. Sepertimana Firman Allah dalam surah al Mujahadah ayat 11 yang bermaksud:

*“Allah mengangkat kedudukan orang yang beriman daripada kamu dan orang-orang yang berilmu dengan beberapa darjat.”*

### **Latar belakang Mahasiswa OKU di KUIS**

Mahasiswa kurang upaya (OKU) di KUIS merujuk kepada mahasiswa KUIS yang mengalami kecacatan sama ada cacat penglihatan seperti a) Buta (*Blind*), Penglihatan kurang daripada 3/60 pada mata yang lebih baik walaupun dengan menggunakan alat bantu penglihatan (cermin mata), b) Terhad -(*Low Vision/Partially Sighted*)

Penglihatan lebih teruk dari 6/18 tapi sama dengan atau lebih baik daripada 3/60 dalam mata yang lebih baik penglihatannya walaupun dengan menggunakan alat bantu penglihatan (cermin mata), c) Tunnel Vision iaitu pandangan yang terhad kepada satu arah dan dalam ruangan sehala.

Kurang Upaya Fizikal seperti kecacatan anggota badan misalnya - Muscular Dystrophy, Myopathy, Neuropathy, Osteogenesis Imperfecta dan kerdil. Masalah kecacatan pertuturan seperti sumbing. Ada juga terdapat di kalangan mahasiswa KUIS yang mengalami masalah pembelajaran iaitu slow learner. Mereka berada dalam jurusan diploma dan ijazah sarjana muda dalam pelbagai fakulti seperti fakulti Pengurusan Muamalah, Asasi dan fakulti Pembangunan dan Peradaban Islam. Terdapat lebih 30 orang mahasiswa yang memegang kad OKU.

## **PERMASALAHAN KAJIAN**

Sikap negatif terhadap Orang Kurang Upaya (OKU) dikenal pasti sebagai suatu halangan kepada mereka untuk mengambil bahagian secara penuh di dalam masyarakat. Terdapat banyak kajian yang menyokong bahawa sikap negatif terhadap OKU masih wujud. Mitos dan stereotaip negatif mengenai OKU telah melahirkan sikap prejudis yang sukar dikikis mengenai OKU dan keadaan ini akan dapat dilihat dalam bentuk sikap dan tingkah laku negatif terhadap mereka dalam konteks sosial, pendidikan dan kerjaya. OKU pula mengenal pasti sikap negatif masyarakat sebagai salah satu punca tekanan yang utama dalam kehidupan mereka. Sikap negatif terhadap OKU mempunyai hubungan dengan tingkah laku penolakan sosial dan jangkauan sosial yang tinggi terhadap mereka. Selagi masih wujud sikap negatif terhadap OKU, masyarakat masih tidak dapat menerima kehadiran mereka dan integrasi OKU dalam masyarakat akan tersekat.

## **PERSOALAN KAJIAN**

Kajian ini menyelidiki beberapa persoalan kajian seperti berikut:

- a) Apakah tahap pengetahuan warga KUIS mengenai OKU?
- b) Apakah sikap warga KUIS tipikal terhadap mahasiswa yang kurang upaya?
- c) Apakah hubungan antara pengetahuan warga KUIS mengenai OKU dengan persepsi dan sikap mereka terhadap pelajar OKU?
- d) Apakah impak mempunyai rakan OKU ke atas persepsi dan sikap warga KUIS terhadap pelajar OKU?

### **Persoalan temubual untuk mahasiswa OKU**

- 1. Adakah terdapat sikap tolong –menolong terhadap mahasiswa OKU ?
- 2. Adakah kawan-kawan menyedari adakah mereka OKU?
- 3. Adakah pensyarah dan pegawai pentadbiran sedari mereka OKU?
- 4. Adakah mereka OKU berpuas hati terhadap layanan warga KUIS?
- 5. Adakah cadangan mahasiswa OKU untuk penambahbaikan kemudahan dan keselesaan untuk sesi pengajaran dan pembelajaran di KUIS.
- 6. Adakah wujud persatuan OKU di KUIS?

## **METODOLOGI KAJIAN**

Sampel kajian terdiri daripada 15 orang pelajar dan 19 orang kakitangan telah dipilih sebagai sampel kajian. Soal selidik berkenaan telah diletakkan skala likert 1 – Sangat Tidak Setuju, 2 – Tidak Setuju, 3 – Setuju dan 4 – Sangat Setuju. Instrumen yang digunakan dalam kajian ini adalah satu set borang soal selidik yang terdiri daripada tiga bahagian utama iaitu; Bahagian A: Demografi Responden, Bahagian B: Pengetahuan Dan Kesedaran Terhadap OKU, Bahagian C: Sikap Dan Pandangan Mengenai OKU.



## **DAPATAN KAJIAN**

### **Bahagian A: Maklumat Demografi**



Satu soal selidik telah dijalankan bagi mengkaji kesedaran sosial terhadap mahasiswa kurang upaya di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS). Responden dari kalangan pelajar terdiri daripada pelajar perempuan berumur antara 20 hingga 30 tahun. Seorang (6.67%) telah berkahwin manakala baki 14 orang (93.33%) berstatus bujang. 6 (40%) daripadanya pelajar FPPI, 6 (40%) pelajar FSU dan 3 (20%) pelajar FP. Responden dari kalangan kakitangan terdiri daripada 16 orang (84.21%) perempuan dan 3 orang (15.79%) lelaki. 10 orang (52.63%) berumur dalam lingkungan 20-30 tahun, 4 orang

(21.05%) dalam lingkungan 31-40 tahun dan 5 orang (26.32%) dalam lingkungan umur 41-50 tahun. 5 orang (26.32%) daripada BPM, 4 (21.05%) daripada Bendahari, 4 (21.05%) daripada MARCOM, dan masing-masing 2 (10.53%) daripada BPA, BPK dan pensyarah. Latar belakang pendidikan kakitangan bervariasi iaitu 2 orang (10.52%) lepasan SPM/O-Level/Sijil, 2 (10.52%) lagi lepasan STPM, 5 orang (26.32%) lulusan diploma, 5 orang (26.32%) lulusan sarjana muda dan 5 orang (26.32%) lulusan sarjana. Dari sudut pendapatan, 2 orang (10.52%) berpendapatan RM1,000 ke bawah, 7 orang (36.4%) berpendapatan RM1,001 – RM2,000, 5 orang (26.32%) berpendapatan di antara RM2,001 – RM3,000, dan 5 orang (26.32%) lagi berpendapatan antara RM3,001 – RM5,000.


### Bahagian B : Pengetahuan Dan Kesedaran Terhadap OKU




Bahagian ini mengkaji pengetahuan dan kesedaran terhadap OKU. 8 pelajar (53.33%) setuju bahawa mereka memahami apa itu OKU manakala baki 7 pelajar (46.67%) lagi sangat bersetuju. Sementara kakitangan pula, 9 orang (47.37%) setuju mereka memahami dan baki 10 orang (52.63%) sangat bersetuju.




13 orang (86.67%) pelajar setuju mereka mengenali OKU di luar KUIS, seorang (6.67%) sangat setuju dan seorang (6.67%) tidak setuju. Di pihak kakitangan pula, seorang (5.26%) tidak setuju beliau mengenali OKU di luar KUIS, 8 orang (42.11%) setuju, 8 (42.11%) yang lain sangat setuju. 2 orang (10.52%) lagi tidak memberikan jawapan.




10 orang (66.67%) pelajar mengakui sering membaca mengenai OKU di media. Seorang (6.67%) sangat setuju dan 4 orang (26.67%) lagi tidak setuju. Manakala 3 orang (15.79%) kakitangan tidak setuju mereka membaca mengenai OKU di media, 12 orang (63.16%) setuju dan 4 (21.5%) lagi sangat setuju.



9 orang (60%) pelajar tidak bersetuju bahawa golongan OKU hanyalah mereka yang mempunyai kecacatan fizikal sahaja manakala baki 6 orang (40%) bersetuju. 5 orang (26.32%) kakitangan pula sangat tidak setuju, 11 (57.89%) tidak setuju, 2 (10.52%) setuju dan seorang (5.26%) lagi sangat setuju.




8 (53.33%) pelajar sangat setuju mereka pernah melihat pelajar OKU di KUIS. 6 (40%) yang lain setuju dan seorang (6.67%) tidak setuju. 14 (73.68%) kakitangan sangat setuju pernah melihat pelajar OKU di KUIS dan baki 5 (26.32%) setuju.




4 (26.67%) pelajar sangat setuju tahu akan kewujudan pelajar OKU di setiap fakulti. 6 (40%) yang lain setuju, 4 (26.67%) tidak bersetuju dan seorang (6.67%) sangat tidak setuju. Manakala 7 (36.84%) kakitangan pula tidak setuju mereka mengetahui kewujudan pelajar OKU di setiap fakulti, 9 (47.37%) setuju dan 3 (15.79%) yang lain sangat setuju.

Pelajar Pernah Bergaul Dengan Pelajar OKU




Kakitangan Pernah Bergaul Dengan Pelajar OKU




Seramai 2 (13.33%) pelajar sangat tidak setuju pernah bergaul dengan pelajar OKU. 2 (13.33%) lagi tidak setuju, 7 (36.84%) setuju dan 4 (21.05%) sangat setuju. 6 (31.58%) kakitangan pula tidak setuju mereka pernah bergaul dengan pelajar OKU, 10 (52.63%) setuju dan 3 (15.79%) yang lain sangat setuju.

Pelajar Mempunyai Rakan OKU Di Fakulti




Kakitangan Mempunyai Rakan OKU Di Fakulti




Sebanyak 9 orang (60%) pelajar setuju mempunyai rakan OKU di fakulti dan masing-masing 2 (10.52%) sangat setuju, 2 (10.52%) tidak setuju dan 2 (10.52%) sangat tidak setuju. 3 (15.79%) kakitangan sangat tidak setuju, 9 (47.37%) tidak setuju dan 7 (36.84%) setuju.

### Pandangan Pelajar Tentang Persamaan Hak Pendidikan




### Pandangan Kakitangan Tentang Persamaan Hak Pendidikan




Dari sudut persamaan hak pendidikan, (86.67%) pelajar bersetuju bahawa OKU layak mendapat hak pendidikan yang sama seperti orang lain. Cuma seorang (6.67%) pelajar tidak bersetuju dan seorang (6.67%) lagi sangat tidak bersetuju. 7 (36.84%) kakitangan setuju OKU layak mendapat hak pendidikan yang sama dan 12 (63.16%) kakitangan lagi sangat setuju.

### Pelajar Mengetahui Akta OKU 2008




### Kakitangan Mengetahui Akta OKU 2008




Soal selidik menunjukkan peratusan pelajar yang tidak mengetahui mengenai Akta OKU 2008 adalah sebanyak 9 orang (60%), 5 orang (33.33%) lagi setuju mereka mengetahui akta berkenaan dan seorang (6.67%) sangat setuju. Kakitangan merekodkan hasil berbeza apabila 2 orang (10.52%) sangat tidak setuju dan 14 (73.6%) yang lain tidak setuju mereka mengetahui berkenaan Akta OKU 2008. Cuma 3 orang (15.79%) kakitangan setuju mereka mengetahuinya.

Pelajar Mengetahui Prasarana Mesra OKU




Kakitangan Mengetahui Prasarana Mesra OKU




Seramai 9 (60%) pelajar bersetuju mengetahui apa itu prasarana “mesra OKU”. Seorang (6.67%) sangat setuju dan 5 (33.33%) yang lain tidak setuju. 6 (31.58%) kakitangan tidak setuju sementara 10 (52.63%) yang lain setuju dan 3 (15.79%) lagi sangat setuju mereka mengetahui prasarana “mesra OKU”.

Pendapat Pelajar Bahawa Prasarana KUIS Adalah Mesra OKU




Pendapat Kakitangan Bahawa Prasarana KUIS adalah Mesra OKU




14 daripada 15 pelajar (93.33%) bersetuju prasarana di KUIS adalah “mesra OKU”. Seorang (6.67%) pula tidak setuju. Sementara itu 14 (73.68%) kakitangan tidak setuju prasarana di KUIS adalah mesra OKU dan baki 5 (26.32%) bersetuju.

### Bahagian C: Sikap Dan Pandangan Mengenai OKU




Bahagian C mengkaji sikap dan pandangan responden mengenai OKU. Seramai 9 orang pelajar (60%) setuju kerapkali berhubung atau berjumpa dengan pelajar OKU. 3 orang (20%) sangat bersetuju, manakala 3 orang (20%) lagi tidak bersetuju. Kakitangan pula, seorang (5.26%) sangat tidak setuju dan 10 orang (52.63%) tidak setuju kerap berhubung atau berjumpa dengan pelajar OKU. Manakala baki 6 orang (31.58%) setuju dan 2 (10.52%) lagi sangat setuju.




5 pelajar (33.33%) sangat setuju bahawa mereka menganggap pelajar OKU sama sahaja seperti pelajar lain. 4 orang (26.67%) lagi setuju, 5 (33.33%) tidak setuju dan seorang (6.67%) sangat tidak setuju. 6 orang (31.5%) kakitangan sangat setuju mereka menganggap pelajar OKU sama seperti pelajar lain, 7 (36.84%) lagi setuju, 5 (26.32%) tidak setuju dan seorang (5.26%) sangat tidak setuju.

Pelajar Kurang Selesa Bergaul Dengan OKU




Kakitangan Kurang Selesa Bergaul Dengan OKU




Dari sudut keselesaan bergaul, majoriti pelajar iaitu 8 orang (53.33%) pelajar tidak setuju mereka kurang selesa bergaul dengan OKU. 3 (20%) yang lain sangat tidak setuju. Cuma 4 orang (26.67%) setuju bahawa mereka kurang selesa. Kakitangan pula, 9 orang (47.37%) sangat tidak setuju mereka kurang selesa bergaul dengan OKU, 9 (47.37%) juga tidak setuju. Hanya seorang (5.26%) sahaja setuju.

Pelajar Simpati Dengan Keadaan Pelajar OKU




Kakitangan Simpati Dengan Keadaan Pelajar OKU




Rata-rata pelajar mengakui mereka bersimpati dengan keadaan yang dialami oleh pelajar OKU. 6 (40%) bersetuju, dan 7 (46.67%) sangat setuju. Baki 2 orang (13.33%) lagi tidak setuju mereka berasa simpati. Kakitangan juga mencatatkan hasil yang sama apabila 8 (42.11%) bersetuju dan 11 (57.89%) sangat bersetuju.

Pelajar Berpendapat Pelajar  
OKU Melambatkan Kerja  
Kumpulan




Kakitangan Berpendapat Pelajar  
OKU Melambatkan Kerja  
Kumpulan




10 orang (66.67%) pelajar tidak bersetuju kehadiran pelajar OKU akan melambatkan sesuatu kerja berkumpulan. 4 orang (26.67%) lagi setuju dan seorang (6.67%) sangat bersetuju. 4 orang (21.05%) kakitangan pula sangat tidak setuju, 11 (57.89%) tidak bersetuju dan 3 (15.79%) yang lain bersetuju.

Pelajar Berpendapat Pelajar OKU  
Melambatkan Pembelajaran  
Dalam Kuliah




Kakitangan Berpendapat Pelajar  
OKU Melambatkan Pembelajaran  
Dalam Kuliah




Dari sudut pembelajaran dalam kuliah, hanya 4 orang (26.67%) pelajar setuju pelajar OKU akan melambatkan proses pembelajaran, baki 11 orang (73.33%) tidak setuju. Seramai 10 orang (52.63%) kakitangan tidak setuju pelajar OKU melambatkan pembelajaran dalam kuliah, dan 8 (42.11%) yang lain sangat tidak setuju. Seorang (5.26%) tidak memberikan jawapan.

### Pelajar Berpendapat Memberi Masa Lebih Pada OKU Dalam Peperiksaan Adalah Tidak Adil




### Kakitangan Berpendapat Memberi Masa Lebih Pada OKU Dalam Peperiksaan Adalah Tidak Adil




Pelajar memberikan reaksi berbeza tentang keadilan memberi pelajar OKU lebih masa dalam menjawab peperiksaan. 2 orang (13.33%) sangat setuju ianya tidak adil, 4 (26.67%) setuju, 5 orang (33.33%) tidak setuju dan 4 orang (26.67%) sangat tidak setuju. Sedangkan 6 (31.58%) kakitangan sangat tidak setuju memberi lebih masa pada pelajar OKU dikatakan tidak adil, 11 (57.89%) juga tidak setuju. Hanya seorang (5.26%) setuju dan seorang (5.26%) lagi tidak memberikan jawapan.

### Pelajar Setuju Pelajar OKU Diberikan Layanan Adil



### Kakitangan Setuju Pelajar OKU Diberikan Layanan Adil



10 orang (66.67%) pelajar setuju pelajar OKU dilayan sama adil oleh pensyarah, rakan-rakan dan pegawai pentadbiran, 4 (26.67%) lagi sangat setuju. Cuma seorang (6.67%) tidak setuju. 4 (21.05%) kakitangan pula tidak setuju, 10 (52.63%) setuju dan 5 (26.32%) kakitangan sangat setuju.

## **PERBINCANGAN**

Hasil kajian ini menunjukkan dua dapatan iaitu hasil temubual dengan pelajar OKU dan hasil dari soal selidik kepada warga KUIS. Responden telah menyatakan sikap yang positif mengenai pelajar OKU di KUIS; iaitu, tahap kesedaran dan kefahaman yang tinggi mengenai OKU, tidak merasa malu untuk bergaul dan kelihatan bersama dengan pelajar OKU, mempunyai rasa simpati terhadap pelajar OKU, dan bahawa tidak keberatan untuk bekerjasama dengan pelajar OKU dalam melakukan tugasannya kuliah. Mereka turut berpendapat bahawa pelajar OKU tidak membebankan atau melambatkan kuliah. Mereka menyokong hak golongan OKU untuk menerima pendidikan yang sama seperti rakyat Malaysia yang lain. Mereka turut menyatakan bahawa pelajar OKU perlu mendapat layanan yang adil dari pensyarah dan rakan-rakan dan warga KUIS yang lain. Para responden juga menyatakan bahawa mereka kurang bersetuju bahawa kemudahan prasarana di KUIS adalah kurang mesra OKU. Walaupun tidak menyeluruh prasarana OKU yang disediakan, pelajar OKU tidak rasa terpinggir kerana rakan-rakan sekeliling sentiasa membantu.

Warga KUIS juga memberikan reaksi tentang keadilan memberi pelajar OKU lebih masa dalam menjawab peperiksaan. 2 orang (13.33%) sangat setuju ianya tidak adil, 4 (26.67%) setuju, 5 orang (33.33%) tidak setuju dan 4 orang (26.67%) sangat tidak setuju. Sedangkan 6 (31.58%) kakitangan sangat tidak setuju memberi lebih masa pada pelajar OKU dikatakan tidak adil, 11 (57.89%) juga tidak setuju. Hanya seorang (5.26%) setuju dan seorang (5.26%) lagi tidak memberikan jawapan. Dapatkan ini menunjukkan responden menyokong agar OKU di KUIS diberi kemudahan akomodasi dalam proses pembelajaran seperti masa tambahan dan lain-lain yang bersesuaian dengan keadaan ketidakupayaan yang dialami ketika menduduki peperiksaan.

Namun di dalam kajian ini tahap pengetahuan para responden mengenai OKU adalah rendah. Majoriti mereka menyatakan mereka kurang jelas mengenai definisi OKU dan tidak sedar dengan kewujudan dan kandungan Akta OKU 2008.

## **RUMUSAN**

Walaupun kajian ini mendapati bahawa warga KUIS mempunyai kesedaran sosial yang baik terhadap pelajar OKU namun tahap pengetahuan mereka mengenai OKU dan pendedahan mereka dengan OKU adalah masih rendah. Disarankan KUIS memainkan peranan dalam memberi kesedaran sosial ini seperti menyampaikan ceramah-ceramah kesedaran di masjid, mengedarkan flyers malah boleh menubuhkan satu persatuan OKU dengan kerjasama persatuan orang buta Malaysia Ini bermanfaat untuk jangka masa yang panjang demi kesejahteraan pelajar OKU dalam memberi mereka motivasi dan kendiri untuk terus maju.

## **RUJUKAN**

- Blaxter, M. (1976). *The Meaning of Disability*. London: Heinemann Educational BookLtd.
- Hasnah Toran, Tajul Arifin Muhamad, Mohd Hanafi Mohd Yasin, Mohd Mokhtar Tahar, Nurhazwani Hamzah. (2010). Pengetahuan dan Sikap Rakan Sebaya Terhadap Pelajar Kurang Upaya di Sebuah IPTA di Malaysia. *AJTLHE*, 21-32.
- Hasnah Toran, Mohd Hanafi Mohd Yasin, Mohd Mokhtar Taha & Norasuzaini Sujak. 2009. Sokongan dan halangan yang dihadapi pelajar-pelajar kurang upaya di sebuah institusi pengajian di Malaysia, ASEAN Journal of Teaching and Learning in Higher Education Vol 1, No 2: 18-29.
- Ibrahim, F., & Herr, E. 1982. Modification of attitudes toward disability: Differential effect of two educational modes. *Rehabilitation Counselling Bulletin*, 26 (1), 29-36.
- Johnson, T. and Fendrich, M. 2002. A validation of the Crowne-Marlowe Social Desirability Scale.  
<http://www.srl.uic.edu/publist/Conference/crownemarlowe.pdf> [15 April 2010].
- Katz, I., Hass, R.G. & Bailey, J. 1988 Attitudinal ambivalence and behavior towards people with disabilities. Dlm. H.E. Yuker, (pnyt.), *Attitudes Toward Persons With Disabilities* 47-57 New Year :Springer Publishing Company.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. 2006. Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006-2010.

## **Internet**

- [http://www.kmph.matrik.edu.my/PIPP/moe\\_pipp\\_00.pdf](http://www.kmph.matrik.edu.my/PIPP/moe_pipp_00.pdf) [15 April 2010]  
<http://kuis.edu.my>

## **Temuramah**

Temuramah 10 orang pelajar kurang upaya di KUIS